

24 DEC 2002

PERLIS KENALPASTI KAMPUNG UNTUK DIMODERNKAN

KANGAR, 24 Dis (Bernama) -- Perlis mempunyai sekurang-kurangnya 300 kampung tradisional yang boleh dibangunkan bersama menjadi perkampungan modern seperti yang dirancangan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Luar Bandar Perlis, Mohamed Hadzi Nordin berkata kampung-kampung tradisional kecil akan digabungkan di bawah satu pengurusan supaya lebih ramai penduduk mendapat faedah daripada pembangunan perkampungan modern itu.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rancangan kerajaan untuk membangunkan kampung-kampung di negara ini menjadi perkampungan modern.

Dr Mahathir pada Hari Terbuka Aidilfitri di Jitra Kedah Sabtu lepas berkata perkampungan modern itu akan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk industri kecil bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

-- BERNAMA

RIS RON